

PENDEKATAN SIASAH SYAR'IYYAH DALAM MEMERTABATKAN INSTITUSI MASJID DI MALAYSIA.

Mohd Asri Che Ibrahim
Universiti Malaya
asri7405@yahoo.com.my

PENGENALAN

Siyasah Syar'iyyah adalah suatu ilmu yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran sesebuah negara yang berasaskan kepada syariah yang diturunkan oleh Allah. Ia merupakan satu ilmu yang diberikan oleh Allah untuk menguruskan bumi ini. Siasah syariyyah memainkan peranan penting dalam pentadbiran negara. Ia telah pun diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. sejak memerintah Madinah malah diikuti oleh para sahabat Baginda dan para khalifah al-Rashidin. Ini menunjukkan kepada kita bahawa Siasah Syar'iyyah merupakan suatu cara memerintah negara yang diberikan Allah kepada pimpinan negara Islam yang menjadikan al-Qur'an dan Sunnah sebagai dasar pemerintahannya.

Siasah juga merupakan suatu ilmu dan kemahiran kerana mempunyai prinsip-prinsip dan disiplin-disiplin yang tertentu sehingga terbentuknya 'ilmu politik'. Politik juga dikatakan sebagai kemahiran kerana dalam realiti pelaksanaannya ia tidak mungkin terhad kepada semata-mata melaksanakan undang-undang yang bersifat teori dan tidak juga pada pelaksanaan sebenar kekuasaan / kekuatan, tetapi ia menuntut kepada kemahiran tertentu yang hanya diperolehi melalui pengalaman dan pengetahuan setelah menghadapi beberapa kaedah praktikal¹¹.

Konsep siasah syariyyah

Siasah ialah satu perkataan yang berasal dalam Bahasa Arab yang bermaksud memerintah, mentadbir atau memimpin¹². Mengikut Ibn Manzur perkataan siasah itu berasal dari kata dasar 'sawasa' (سوس) atau 'sasa' (ساس) 'yasusu' (يسوس) dan 'siasatan' (سياسة)¹³. Dari sudut bahasa ia bererti melakukan yang boleh mendatangkan kebaikan kepada sesuatu pihak, terutama sekali yang berada dalam pemerintahan atau jagaannya. Secara umumnya jika ia difokuskan kepada binatang akan membawa maksud sebagai: 'menjaga atau menternak'. Jika ia digunakan pada manusia ia memberi erti 'menjaga dan mentadbir urusan mereka.

¹¹ *Sistem Politik Islam Menurut Pandangan al-Quran, al-Hadis dan Pendapat Ulama Salaf*, Khalid 'Ali Muhammad al-Anbari (pengantar) Zahazan Mohamed., Selangor; Telaga Biru, hlm.2-3.

¹² Abdul Hadi Awang (2007), *Islam dan Demokrasi*, Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, hlm.5

¹³ Ibn Manzur (1990), *Lisan al- 'Arab*, juz 6, Beirut hlm. 108.

Dalam bahasa Melayu perkataan siasah disebut sebagai politik¹⁴ yang bermakna ilmu pengetahuan berkenaan cara atau dasar-dasar pemerintahan¹⁵. Siasah atau politik¹⁶ merupakan satu struktur yang mengatur hubungan antara pemimpin dengan rakyat bawahan dan ia terbentuk daripada keseluruhan institusi yang mengatur masyarakat awam dan institusi yang mengatur kekuasaan¹⁷. Jadi makna siasah atau politik tadi diterapkan pada pengurusan dan sebagai latihan kemahiran untuk orang yang mengurus sesuatu organisasi. Namun penggunaan perkataan siasah pada zaman moden ini tidak hanya terikat pada aspek kebaikan sahaja, malah digunakan juga pada tindakan yang tidak baik seperti tipu helah dan tipu muslihat¹⁸. Siasah kini digunakan juga sebagai suatu tindakan untuk menjatuhkan musuh politik masing-masing¹⁹.

Kalau *siasah syariyyah* pula membawa maksud mengurus dan mengatur pemerintahan supaya mengikut syariat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Dengan kata lain, siasah syariyyah ini melibatkan umat Islam dan bukan Islam yang bernaung dengan aman di dalam sebuah negara Islam²⁰.

Para ulama berselisih pendapat tentang takrif siasah syar'iyah dari segi istilah. Antara pendapat tersebut ialah :

Pertama :

Dr 'Abd al-'al Ahmad 'Atwah²¹; tindakan yang diambil oleh pemerintah berdasarkan masalah dalam perkara-perkara yang tidak dijelaskan oleh nas secara langsung dan dalam perkara yang berubah-ubah mengikut perubahan masa, tempat dan tuntutan semasa²².

Kedua :

'Abd al-Wahab al-Khallaf memberi definisi siasah shar'iyah sebagai ilmu yang menghuraikan tentang sistem dan undang-undang pentadbiran negara Islam bertepatan dengan dasar Islam. Siasah syar'iyah juga mengatur pentadbiran awam dalam pemerintahan bagi memenuhi kemaslahatan (kebaikan) dan menolak kemudaratan selama ia tidak melampaui batasan syariat dan prinsip umum. Walaupun tidak selaras dengan pandangan para imam mujtahidin.

¹⁴ Politik berasal daripada bahasa Latin yang mempengaruhi bahasa lain sehingga diterima pakai dalam seluruh bahasa lain dan bahasa yang dijajah, dengan hanya berbeza ejaan dan sebutan sahaja. Bahasa Latin juga telah mempengaruhi bahasa Melayu dan sudah digunapakai sehingga kini.

¹⁵ Kamus Dewan Edisi Ke Empat, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

¹⁶ Kamus Oxford (2011), Edisi Kedua, Selangor : Shah Alam, hlm 293

¹⁷ *Qamus al-Mustalahat al-Siyasiyat*, hlm. 452.

¹⁸ Noresah bt Baharun (1996), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1040.

¹⁹ Shukeri Mohamad, Nilai-nilai Budaya Tempatan Sebagai Asas Pembinaan Siasah Syariyyah, dalam Md. Saleh Hj. Md. @ Hj. Ahmad (2006), (peny) *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm.388

²⁰ *Sistem politik Islam, op cit.*

²¹ Dr al-'Al Ahmad 'Atwah (1993), *al-Madkhal Ila al-Siyasah al-Syar'iyah*, Riyad, hlm.44

²² Shukeri Mohamad, *op cit*, hlm. 387

Ketiga

Muhammad Hashim Kamali memberi definisi siyasah shar'iyah sebagai suatu doktrin yang luas dari perundangan Islam yang memberi kuasa kepada pemerintah untuk menentukan bagaimana syariat harus dijalankan. Sesuai dengan itu pemerintah boleh menggunakan budi bicaranya untuk membuat peraturan-peraturan dan dasar-dasar yang dirasakan memenuhi kepentingan pentadbiran yang baik, asalkan ia tidak melanggar mana-mana prinsip syariat²³. Penggunaan pertama bagi perkataan "siasah" ialah melalui hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (r.a)²⁴:

كانت بنو اسرائيل تسوسهم الانبياء كلما هلك نبي خلفه نبي وانه لا نبي بعدى وسيكون خلفاء ويكثر
قالوا: فما تأمرنا: فقال اوفوا ببيعة الاول فالاول ثم اعطوهم حقهم فان الله سائل عما استرعاهم
(رواه البخارى)

Maksudnya: Bani Israil adalah kaum yang dipimpin oleh para nabi. Apabila seorang nabi itu meninggal, maka digantikan dengan nabi yang lain. Dan sesungguhnya tidak ada nabi selepasku dan akan ada khalifah yang banyak. Mereka (para sahabat) bertanya? Apakah yang Rasulullah mahu perintahkan kepada kami? Rasulullah menjawab tunaikan baiah (janji ketaatan) kepada yang pertama dan seterusnya. Berilah kepada mereka hak mereka (untuk memerintah). Maka sesungguhnya Allah akan bertanyakan mereka berkenaan urusan mereka yang diminta supaya memimpin.

Sebagai kesimpulan siasah Syariyyah ialah suatu teori pengurusan politik dan pentadbiran sesebuah organisasi atau negara berdasarkan syariat yang diturunkan oleh Allah iaitu al-Quran dan al-Sunnah²⁵. Topik perbincangan dalam *siyasah syar'iyah* ialah mengenai sistem, peraturan dan undang-undang yang diperlukan di dalam mengurus sesebuah negara bertepatan dengan asas-asas agama bagi menjamin pencapaian kemaslahatan kepada manusia, menunaikan segala keperluan mereka dan menjauhkan mereka daripada kemudaratan dunia dan akhirat.

Matlamat utama siasah syariyyah

Matlamat utama dalam siasah syar'iyah ialah untuk melaksanakan *maqasid syarak* iaitu yang terkandung di dalam perkara yang berkaitan dengan '*jalb al-masalih*' (جلب المصالح) iaitu (mendatangkan kemaslahatan kepada manusia) dan '*dar' al-mafasid*' (درء المفساد) iaitu menghilangkan kemudaratan daripada mereka.) Kedudukan *siyasah syar'iyah* yang dijadikan sebagai landasan dan sandaran dalam sebarang tindakan pemerintahan negara, menjadikan hukum Islam berkembang pesat dan kaya dengan kaedah penyelesaian kepada persoalan-persoalan semasa.

²³ Wan Liz Ozman Wan Omar (1996), *Pengurusan Islam Abad ke-21*, Kuala Lumpur; Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, hlm75

²⁴ al-Bukhari (1986), *Sahih al-Bukhari* (cetak bersama *Fath al-Bari*), juz 9, Kaherah, hlm.230

²⁵ Shukeri Mohamad, dalam *Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia* (2010), Fauzi Hamat, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mengikuti ‘Abd al-Wahab al-Khalaf, para ulama telah meletakkan siasah syariyyah sebagai satu bentuk kelonggaran yang diberikan oleh syarak kepada pemerintah dalam menangani sesuatu kes atau permasalahan berdasarkan kaedah ijthad atau masalahah²⁶. Ia amat penting kerana membuktikan bahawa Islam adalah agama yang mampu menghadapi perkembangan semasa dan situasi yang mencabar seperti pada hari ini.

Peranan masjid pada awal perkembangan Islam

Apabila kita perhatikan kepada sejarah permulaan Islam, Rasulullah telah membina masjid dahulu sebelum memulakan urusan lain termasuk pentadbiran. Ini menunjukkan bahawa masjid adalah asas utama sebelum melakukan sebarang pengurusan-pengurusan lain. Dalam Masjid Nabawi itulah Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda menunaikan solat berjemaah, solat jumaat dan solat hari raya. Masjid Nabawi juga telah dijadikan sebagai tempat menerima tetamu seperti rombongan dari Banu Thaaqif yang belum memeluk Islam dan mengadakan rundingan dengan mereka malah Rasulullah juga telah membina khemah-khemah untuk mereka dalam kawasan masjid tersebut²⁷.

Dalam masjid juga Rasulullah menerima sedekah dan membahagikannya kepada para sahabat dan orang miskin²⁸. Perselisihan pendapat juga berlaku dalam masjid tersebut, seperti urusan peperangan dan perniagaan, walau bagaimanapun kes itu dapat diselesaikan di tempat dan pada masa yang sama. Di Masjid Nabawi juga berlaku tarian lembing yang dipersembahkan oleh orang Abbasyiah. Malah tarian ini turut disaksikan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. Masjid Nabawi juga merupakan tempat pelepasan tentera untuk berjihad dan menghantar rombongan untuk berdakwah. Masjid juga merupakan tempat Baginda menerima duta-duta negara asing²⁹. Masjid Nabawi juga merupakan tempat pusat khidmat masyarakat kepada penduduk tempatan atau masyarakat sekeliling. Di sini juga merupakan tempat pengagihan bantuan makanan dan pakaian kepada orang miskin.

Selepas Rasulullah s.a.w wafat, para sahabat juga turut menjadikan masjid sebagai tempat ibadat, pentadbiran serta pendidikan. Pada zaman khalifah al-Rashidin masjid-masjid dijadikan sebagai sebahagian daripada pusat pentadbiran dan pusat pengajian tinggi. Sebagai contoh Masjid Umawi di Damsyiq, Masjid al-Mansur di Baghdad, dan Masjid al-Azhar di Mesir telah dijadikan sebagai pusat pengajian Islam. Di Nusantara, masjid juga dijadikan sebagai pusat penyebaran Islam dan pusat pengajian tinggi seperti Muhammadi di Kota Bharu Kelantan.

²⁶ ‘Abd al-Wahab Khalaf (1087H) *Al-Siasah al-Syar’iyyah*, Beirut, hlm.17

²⁷ Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady, *Institusi Masjid Dalam Menghadapi Cabaran Abad 21*, Kertas kerja Kursus Peningkatan Kefahaman Peranan Dan Tanggungjawab Pegawai Masjid Kelantan Darulnaim, pada 11 Oktober 1997M Bersamaan 9 Jamadilthani 1418H, bertempat Dewan Besar, Balai Islam Kelantan, Kompleks Balai Islam, Lundang, Kota Bharu Kelantan.

²⁸ Nasoha Saabin(2001) *Memartabatkan Masjid*, Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, hlm.14

²⁹ Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady, *op.cit*; 5

Sekitar tahun 1920 Masjid Muhammadi telah disifatkan sebagai sebuah universiti dan sebuah pusat pengetahuan agama yang terbesar di Kelantan³⁰. Dengan suasana demikian, maka Bandar Kota Bharu ketika itu telah menjadi tarikan ulama-ulama dari luar negeri untuk datang dan mengajar di sini. Di antara ulama tersebut ialah Haji Muhd. Said dari Linggi, Negeri Sembilan, Sidi Azahari dari Mekah serta Tok Khurasan dari Afghanistan³¹. Selain daripada rakyat negeri Kelantan, pelajar-pelajar ini dilaporkan datang dari berbagai-bagai tempat seperti Sumatera, Patani, Bangkok, Kemboja dan negeri-negeri lain³². Malahan pada suatu waktu, bilangan pelajar dari luar Kelantan di dapati lebih ramai daripada bilangan dari Kelantan sendiri³³. Misalnya pada tahun 1934, 172 orang daripada sejumlah 279 orang pelajar yang ada adalah terdiri daripada anak-anak luar Kelantan³⁴. Abdullah al-Qari Haji Salleh telah menulis tentang peranan Masjid Muhammadi dalam bukunya sebagaimana berikut:

*Masjid Besar al-Muhammadi adalah merupakan sebuah pusat pengetahuan agama yang terbesar di Kelantan, bahkan sebagai sebuah universiti yang menjalankan tugas secara tidak langsung sejak dari ia dibina sampailah ke hari ini*³⁵.

Dengan ini Kota Bharu selain dari menjadi sebagai pusat pentadbiran negeri Kelantan juga telah menjadi pusat pengajian Islam³⁶. Kelantan menjadi tumpuan yang kedua pentingnya selepas Patani³⁷. Pada pertengahan abad ke 19 Masehi pondok Tok Kenali merupakan pusat pengajian Islam yang terkenal di Asia Tenggara. Dipercayai kerana pengaruh Tok Kenali, maka pada kurun ke 20 Kelantan mendahului negeri lain sebagai pusat pertama pengajian pondok, malah besar kemungkinan kemunculannya lebih awal di Terengganu.

Kita tidak menafikan bahawa masjid di Malaysia telahpun membuktikan peranannya sejak sebelum merdeka sehingga kini. Bahkan institusi masjid adalah di antara pengkalan utama dalam meniup ruh beragama dan ruh perjuangan kepada para pejuang ketika negara di ambang kemerdekaan. Namun begitu perubahan masa menyebabkan pengurusan institusi masjid perlu diberi nafas baru sesuai dengan perkembangan semasa.

³⁰ Yusuf Bin Muda, *Sejarah Ringkas Sekolah-sekolah Kelantan*, hlm 10.

³¹ Nik Abdul Aziz Bin Nik Hassan, *Islam dan Masyarakat Kota Bharu Di antara Tahun 1900-1933*, dalam *Islam Di Malayisa*, Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia, Selangor, hlm.19

³² Temu ramah dengan Wan Maryam Che Min penduduk di Kampung Jalan Atas Banggol, Kota Bharu Kelantan pada Mac 2011 di kediamannya.

³³ Abdul Razak Mahmud (2010), *MAIK Peranannya Dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan Di Kelantan Sehingga 1990*, Kuala Lumpur: Dwan Bahasa dan Pustaka, hlm.93

³⁴ *Penyata Majlis Tahun 1934*, hlm. 8

³⁵ Abdullah al-Qari Haji Salleh (1967), *Sejarah Hidup Tok Kenali*, Kelantan, Kota Bharu, Pustaka Aman Press, hlm.41

³⁶ Nik Abdul Aziz Bin Nik Hassan, *Islam dan Masyarakat Kota Bharu Di antara Tahun 1900-1933*, dalam *Islam Di Malayisa*, Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia, Selangor, hlm.18

³⁷ Alias Muhamad (1977), *Intelijensia Melayu Kelantan*, Kelantan: Kota Bharu, hlm 26

Pemilihan ahli jawatankuasa masjid mengikut siasah syar'iyah

Setiap ahli kariah adalah bertanggungjawab dalam pemilihan ahli jawatankuasa masjid di kariah atau kawasan mereka. Pemilihan ahli jawatankuasa masjid hendaklah dipilih dalam kalangan mereka yang berkelayakan dan merupakan ahli kariah di kampung atau taman yang berkenaan ini kerana perlantikan mereka merupakan amanah Allah yang besar. Selain itu, mereka yang hendak dilantik mestilah dipilih dalam kalangan mereka yang memakmurkan masjid di kawasan / taman tersebut. Mereka juga mestilah berilmu, beramanah, bertaqwa, ikhlas, iltizam, dedikasi, jujur dan bersemangat tinggi untuk memajukan masjid di kawasan / taman mereka. Sebagai seorang pengerusi, imam dan ahli jawatankuasa yang dipilih, mereka bertanggungjawab menunaikan amanah terhadap jawatan itu dan tidak boleh diserahkan kepada orang lain³⁸.

Selain dari sifat-sifat tersebut mereka juga perlu mahir dengan pengurusan dan pentadbiran supaya setiap program masjid dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Pendekatan siasah syar'iyah dalam memertabatkan institusi masjid di Malaysia

Dalam kajian ini penulis akan mengemukakan beberapa pendekatan siasah syar'iyah dalam memartabatkan insituti masjid di Malaysia yang semakin malap dan tidak mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Mudahan-mudahan kajian ini akan memberi manfaat kepada pihak berkenaan untuk mengembalikan peranan masjid sepertimana institusi-institusi lain kerana agak mustahil untuk berlaku sebagaimana pada zaman awal perkembangan Islam. Antara pendekatan siasah syar'iyah untuk memartabatkan institusi masjid ialah seperti berikut:

a) Barisan kepimpinan masjid yang proaktif

Setiap ahli kariah perlulah membuat pemilihan yang bijak dalam mesyuarat agung tahunan masjid dengan mencadangkan mereka yang betul-betul layak dan proaktif untuk memajukan masjid. Perlantikan nazir / pengerusi, setiausaha, bendahari dan ahli jawatankuasa yang proaktif sangat penting kerana ia dapat melaksanakan program-program yang bermanfaat kepada ahli kariah. Sekiranya amanah ini diserahkan kepada mereka yang tidak layak atau lemah kemungkinan besar masjid akan jadi sunyi sepi tanpa program keagamaan atau hanya dibuka untuk solat lima waktu sahaja kemudian dikunci semula.

Oleh itu, setiap kepimpinan masjid mestilah mempunyai idea bernas dan dinamik supaya dapat melaksanakan program-program yang dapat menarik minat para remaja dan ahli kariah / taman untuk berkunjung ke masjid. Dalam hal ini, pengurusan masjid memerlukan kepada penjenamaan semula dan pembaharuan dalam konteks perancangan dan pengurusan. Sekiranya

³⁸ Mustapha Haji Daud, *op.cit*, hlm 84 dan 85.

pegawai masjid ketandusan idea, maka pengurusan masjid akan mengalami kelemahan dan kegagalan dalam banyak keadaan³⁹.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak bertanggungjawab seperti JAKIM / JAIN patut mengadakan kursus khas untuk nazir/ pengerusi dan ahli jawatankuasa masjid berkenaan komunikasi, keterampilan diri, kursus pengucapan awam, dan isu-isu semasa dalam masyarakat di Malaysia.

b) Masjid Sebagai Tempat Perkembangan Ilmu

Pihak pentadbir masjid khususnya nazir / pengerusi masjid perlulah menjadikan masjid sebagai pusat perkembangan segala ilmu. Ruang yang ada di masjid perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk penyebaran ilmu kepada penduduk tempatan. Pihak pentadbir masjid juga mesti mendapatkan penceramah-penceramah yang berilmu dan berkelulusan untuk memberi ceramah⁴⁰.

Selain itu, pihak nazir / pengerusi juga perlu menetapkan satu silibus pengajian yang teratur dan berjadual supaya kuliah-kuliah yang diadakan di masjid dapat manfaat kepada ahli kariah atau sampai kepada sasaran dakwahnya. Penggunaan ICT juga amat berkesan dalam ceramah-ceramah dan kuliah seperti ceramah maulidur Rasul, Isra' dan Mi'raj, kuliah Maghrib dan kuliah Subuh. Dengan penggunaan ICT dan dibantu pula dengan pancaran dari Projektor, menjadikan ahli-ahli jemaah tertarik dan berminat untuk mengikuti sesi ceramah dan kuliah-kuliah di masjid. Ini menunjukkan perlunya kita kepada orang yang mahir tentang ICT untuk menjayakan misi dakwah pada zaman moden ini.

c) Mewujudkan lanskap yang menarik

Pada hari ini banyak masjid mengadakan lanskap di kawasan masjid masing-masing untuk mencantikan lagi kawasannya. Langkah yang diambil ini adalah sangat baik untuk ahli kariah tertarik dan cinta kepada masjid. Untuk itu, pihak pengurusan masjid perlu menjaga lanskap tersebut supaya kelihatan kekal cantik dan bersih. Apa yang menyedihkan sesetengah masjid tidak menguruskan lanskapnya sehingga nampak kotor dan tidak terurus. Keadaan ini menyebabkan timbulnya tanggapan negatif terhadap institusi masjid sebagai tempat ibadat bagi umat Islam. Dalam masa yang sama ia boleh mengganggu usaha dakwah kepada golongan bukan Islam.

³⁹ Pengurusan Masjid Secara Profesional : keperluan masa kini dan permasalahannya, oleh Roslan Muhamed, Pensyarah Kanan Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, dalam *Koleksi Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2008*, Anjuran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri pada 18-19 Oktober 2008.

⁴⁰ Temu ramah dengan Ustaz Abdullah bin Abdul Razak Penyelia Unit Dakwah Halaqat pada 16 November 2012 bertempat di Pejabat Halaqat, Lundang, Kota Bharu.

d) Masjid sebagai pusat riadah dan sukan

Pihak pengurusan masjid juga perlu mengadakan tempat-tempat riadah atau bersenam untuk kemudahan ahli jemaahnya sekiranya masjid mempunyai kawasan yang luas dan sesuai. Dengan wujudnya pusat riadah atau bersukan ia boleh menarik lebih ramai orang terutama para remaja untuk hadir ke masjid. Selain dari itu, ahli jemaah juga tidak perlu keluar ke suatu pusat /taman untuk berjoging atau bersenam kerana sudah ada tempat untuk beriadah dalam kawasan masjid. Dalam masa yang sama ia memberi peluang kepada pengunjung untuk melakukan solat berjemaah di masjid.

e) Masjid sebagai tempat promosi produk halal dan Muslim

Untuk menarik masyarakat berminat dengan masjid, maka pihak pengurusan masjid mestilah menyediakan satu ruang untuk menjual produk halal keluaran muslim seperti minyak wangi, ubat-ubatan dan lain-lain. Selain dari itu, pakaian dan peralatan ibadat haji juga sepatutnya dijual di kawasan masjid untuk memudahkan para bakal haji atau rombongan umrah mendapatkan keperluan masing-masing seperti kain ihram, kain talekung, beg dan lain-lain dengan harga yang berpatutan.

f) Menyediakan kemudahan perpustakaan

Bagi masjid yang besar dan mempunyai dana kewangan yang kukuh patut menyediakan kemudahan perpustakaan untuk dijadikan tempat rujukan bagi pelajar-pelajar pengajian tinggi dan murid-murid sekolah dan orang awam. Dalam pada itu, perpustakaan tersebut patut dilengkapi dengan kemudahan ICT dan internet untuk memudahkan mereka mencari bahan-bahan bacaan dan rujukan. Walau bagaimanapun penggunaan ICT di perpustakaan masjid ini perlulah dikawal oleh orang yang berkenaan supaya tidak disalahgunakan dengan melayari laman-laman yang merosakkan akhlak remaja. Apabila pihak pengurusan masjid mampu mengadakan kemudahan ini, saya yakin orang awam dan golongan remaja akan berminat untuk pergi ke masjid dan mengimarahkannya.

KESIMPULAN

Dalam perbincangan ini, kita dapati pendekatan siasah syari'yyah sangat penting untuk mengembalikan peranan institusi masjid sebagai pusat perkembangan ilmu dan khidmat masyarakat walaupun tidak setanding pada zaman awal perkembangan Islam. Pendekatan siasah syar'iyah mampu menjadikan institusi masjid ke arah kecemerlangan setaraf dengan institusi-institusi lain dalam membina modal insan dan sebagai pusat khidmat masyarakat pada hari ini. Kejayaan kita menghidupkan kembali fungsi institusi masjid secara tidak langsung ia membantu kita dalam bidang dakwah kepada masyarakat Islam sendiri dan Bukan Islam.

RUJUKAN

- Abdul Razak Mahmud (2010), *MAIK Peranannya Dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan Di Kelantan Sehingga 1990*, Kuala Lumpur: Dwan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hadi Awang (2007), *Islam dan Demokrasi*, Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- 'Abd al-Wahab Khalaf (1087H) *Al-Siasah al-Syar'iyah*, Beirut *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 4 (2009) 129 – 143, dalam *Tuan Tabal (M. 1891) Dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Islam Di Tanah Melayu*, oleh Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim dan Mohd Roslan Mohd Nor.
- Fauzi Hamat (ed) *Pengajian Islam di Institut Pengajian Tinggi* (2010),Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mustafa Haji Daud (1994), *Pengurusan Islam*, Kuala Lumpur; Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nik Abdul Aizi Bin Nik Hassan, Islam dan Masyarakat Kota Bharu Di antara Tahun 1900-1933, dalam *Islam Di Malayisa*, Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia, Selangor. Ibn Manzur (1990), *Lisan al-'Arab*, juz 6, Beirut.
- Yusuf Bin Muda Sejarah Ringkas Sekolah-sekolah Kelantan.
- Wan Liz Ozman Wan Omar (1996), *Pengurusan Islam Abad ke-21*, Kuala Lumpur; Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia(YADIM) (2011), *Sirah Nabawiyah*,(terj) Muhammad Ramzi Omar, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia